SULIT 1103/1

Bahasa
Melayu
Kertas 1
2 ¼ jam
Sept.
2011

MPSM

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA**
**CAWANGAN MELAKA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**
**TINGKATAN LIMA**
**TAHUN 2011**

# BAHASA MELAYU

**Kertas 1**

**Dua jam lima belas minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **dua** *bahagian*: **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**
2. *Jawab soalan* **Bahagian A** *dan* satu *daripada* **Bahagian B.**
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.

**[Lihat sebelah**

www.lamanbahasa.wordpress.com 2011



*Masa dicadangkan: 45 minit*

*(30 markah)*

*Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang* **langkah-langkah meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya**. *Panjangnya huraian hendaklah* **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

**KESELAMATAN JALAN RAYA**




Mematuhi peraturan jalan raya



Memperketat syarat pengambilan lesen memandu




Kempen Keselamatan Jalan raya



Penguatkuasaan undang-undang

www.lamanbahasa.wordpress.com 2011



**Bahagian B**

*Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit*

*100 markah*

*Pilih* **satu** *daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya* **lebih daripada 350 patah perkataan.**

1. Sebagai Ketua Pengawas, anda dijemput untuk menyampaikan ceramah yang bertajuk "Persiapan Untuk Memasuki Sekolah Menengah" kepada murid-murid tahun enam di sebuah sekolah rendah.

   Sediakan teks ceramah itu selengkapnya.

2. Keluarga dianggap sebagai tempat perlindungan untuk ahli-ahlinya berlindung daripada bahaya dan pengaruh persekitaran.

   Berikan saranan anda tentang peranan keluarga dalam menjamin keselamatan ahli-ahlinya.

3. Industri batik dan songket negara telah mendapat tempat dalam masyarakat melalui pelbagai usaha yang telah dijalankan dari semasa ke semasa.

   Huraikan langkah-langkah yang telah dilakukan oleh pelbagai pihak bagi memajukan industri tersebut.

4. Malaysia terkenal sebagai destinasi pilihan kepada pelabur asing untuk mencari peluang perniagaan berdasarkan kekukuhan asas ekonomi, pelaksanaan pelbagai dasar, dan insentif yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia.

   Berikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.

5. Bakat semula jadi sahaja tidak mencukupi untuk menghasilkan karya sastera yang bermutu.

   Berdasarkan pengalaman anda membaca novel, berikan pendapat anda tentang ciri-ciri yang diperlukan bagi menghasilkan karya sastera yang bermutu.

**KERTAS SOALAN TAMAT**